

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG**

**KAWASAN : KOTA SAMARAHAN**

**TARIKH : 09 JUN 2015 (SELASA)**

**NO. SOALAN : 43**

**YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [ KOTA SAMARAHAN ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Persidangan ASEAN 2015 yang akan berlangsung nanti mampu memberi impak positif kepada ekonomi negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Tahun 2015 merupakan tahun yang amat penting kepada gagasan ASEAN amnya dan negara Malaysia khususnya. Ini adalah kerana proses pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN telah mencapai kemuncaknya di mana objektif-objektif yang disasarkan akan dicapai pada hujung tahun 2015. ASEAN juga akan mengumumkan pembentukan Komuniti ASEAN

yang merangkumi 3 tonggak, iaitu Komuniti Politik dan Keselamatan, Komuniti Ekonomi dan Komuniti Sosio-Budaya.

2. Sehubungan itu, bagi mencapai sasaran integrasi dan pengukuhan ekonomi ASEAN, satu pelan tindakan telah diformulasikan iaitu Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (*AEC Blueprint*). Pelan AEC telah ditandatangani pada 20 November 2007. Ianya menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh setiap negara anggota ASEAN dalam merealisasikan sasaran pencapaian utama AEC sepenuhnya pada tahun 2015 iaitu:

- (i) mewujudkan ASEAN sebagai sebuah pasaran tunggal dan pusat pengeluaran;
- (ii) menjadikan ASEAN sebagai kawasan ekonomi yang berdaya saing;
- (iii) menjadikan ASEAN sebagai kawasan pembangunan ekonomi yang saksama; dan
- (iv) memastikan ASEAN terus diintegrasikan dengan ekonomi global.

3. Sehingga kini, ASEAN telah melaksanakan 90.5 peratus daripada langkah-langkah yang digariskan di dalam Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN, terutamanya di dalam mewujudkan pasaran tunggal. Usaha sedang diambil untuk memastikan baki langkah-langkah di bawah Pelan ini dilaksanakan sebelum hujung tahun ini.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Integrasi ekonomi ASEAN telah membawa kesan positif kepada rantau ASEAN amnya dan Malaysia khususnya. Di antara pencapaian ASEAN adalah seperti berikut:

- (i) mencatatkan ekonomi yang memberansangkan. Dari 2007 hingga 2014, ekonomi ASEAN telah mencatatkan pertumbuhan secara purata sebanyak 5.1 peratus;
- (ii) secara kolektif, dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak US\$2.5 trilion, ASEAN merupakan ekonomi ke-7 terbesar di dunia. Adalah dijangkakan KDNK ASEAN akan mencapai US\$4 trilion pada tahun 2020; dan
- (iii) KDNK per kapita juga terus meningkat dan telah mencatatkan US\$4,000 pada tahun 2014.

5. Usaha-usaha yang diambil untuk memperkukuhkan integrasi ASEAN juga memberi manfaat dan impak yang positif kepada negara, terutamanya dari segi perdagangan dan pelaburan:

- (i) secara kolektif, ASEAN merupakan rakan perdagangan yang terbesar, dengan jumlah mencatatkan jumlah perdagangan sebanyak RM389 bilion atau 27 peratus daripada jumlah perdagangan global Malaysia;

- (ii) Eksport Malaysia ke pasaran ASEAN pada tahun 2014 pula meningkat sebanyak 5.8 peratus kepada RM213.58 bilion berbanding RM201.81 bilion pada tahun 2013;
- (iii) jumlah pelaburan negara-negara ASEAN juga telah meningkat, dengan jumlah pelaburan sebanyak US\$2.77 bilion pada tahun 2014. Negara-negara seperti Thailand, Indonesia dan Filipina telah mula melabur dan melihat Malaysia sebagai pasaran yang penting bagi pelaburan mereka;
- (iv) syarikat-syarikat Malaysia juga telah mengambil peluang untuk memperluaskan ekport serta mengembangkan operasi mereka ke negara-negara ASEAN. Syarikat-syarikat Malaysia telah mula melabur secara meluas di dalam bidang perbankan, perladangan, perhotelan dan pelancongan, industri penerbangan dan sektor perkilangan. Malaysia kini merupakan sebuah negara pelabur utama di negara-negara ASEAN;
- (v) kemasukan pelaburan asing juga membuka lebih peluang pekerjaan serta membolehkan ASEAN menarik lebih banyak teknologi-teknologi yang beritensifkan modal;
- (vi) membuka peluang untuk golongan pekerja mahir dan profesional Malaysia untuk bekerja di negara-negara ASEAN yang lain; dan
- (vii) kesalinghubungan yang semakin meningkat di kalangan negara-negara ASEAN juga telah membolehkan Malaysia menarik lebih

banyak pelawat-pelawat dari negara-negara ASEAN yang lain, sama ada untuk melancong atau mendapatkan perkhidmatan perubatan.

Tuan Yang DiPertua,

6. Syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana Malaysia juga turut mendapat faedah daripada integrasi ekonomi ASEAN ini. Sehingga kini, adalah dianggarkan lebih daripada 1000 buah syarikat Malaysia sedang beroperasi di negara-negara anggota ASEAN termasuklah AirAsia, Maybank, CIMB, RHB, UEM, BinaPuri, SimeDarby, Petronas, Secret Recipe, Marrybrown dan Ingress.

7. Dengan pembentukan AEC serta usaha-usaha yang diambil oleh ASEAN untuk mempertingkatkan hubungan dengan rakan-rakan perdagangan, ASEAN diramalkan akan menjadi ekonomi yang ke-4 terbesar pada tahun 2030. Kesimpulannya, dengan jumlah penduduk Malaysia seramai 30 juta orang, Kerajaan berpandangan bahawa pembentukan AEC adalah penting bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang.